



Aplikasi **myHRMIS Profil** merupakan satu lagi inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA untuk membolehkan penjawat awam membuat semakan terhadap maklumat peribadi seperti yang telah dikunci masuk ke dalam Aplikasi HRMIS. Pengguna yang telah mendaftar dengan MyHRMIS Cuti tidak perlu mendaftar semula untuk aplikasi ini.

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS Profil:

1. Maklumat Peribadi
2. Maklumat Pendidikan
3. Maklumat Keluarga
4. Maklumat Anugerah
5. Maklumat Sejarah Perkhidmatan
6. Maklumat Profil Perkhidmatan
7. Maklumat Latihan



Aplikasi **myHRMIS eGL** merupakan satu lagi inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA untuk memaparkan rekod Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) untuk penjawat awam sebagai kaedah alternatif sekiranya terdapat gangguan capaian kepada eGL HRMIS di kaunter hospital/ klinik semasa pegawai hendak mendapatkan rawatan. Maklumat yang terkandung dalam aplikasi ini diambil dari Sistem HRMIS.

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS eGL:

1. Memaparkan maklumat peribadi, profil perkhidmatan, gaji pegawai.
2. Menjana eGL.
3. Memaparkan maklumat keluarga pegawai.
4. Memaparkan nama, nombor telefon dan alamat hospital/klinik Kerajaan.



Aplikasi myHRMIS Mobile

Aplikasi myHRMIS Cuti, myHRMIS Profil dan myHRMIS eGL adalah satu inovasi baharu di bawah projek myGov Mobile. Ia boleh dimuat turun melalui telefon pintar dan tablet yang menggunakan platform android dan iOS.



Aplikasi **myHRMIS Cuti** merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA di bawah Projek myGov Mobile MAMPU untuk membolehkan penjawat awam membuat permohonan cuti rehat, menyemak status cuti, menyemak kelayakan cuti, menyokong cuti dan melulus cuti melalui platform mudah alih.

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS Cuti:

1. Menyemak Kelayakan Cuti
2. Memohon Cuti
3. Menyokong Cuti
4. Melulus Cuti
5. Menyemak Status Cuti

Ciri-ciri yang terdapat dalam Aplikasi MyHRMIS Cuti

1. Pemakluman melalui emel kepada Pegawai Penyokong
2. Notifikasi oleh myHRMIS Cuti melalui telefon bimbit



Instalasi Aplikasi myHRMIS untuk Android



1



Play Store


Klik Play Store di telefon pintar atau tablet Android

2



Taip **myhrmis** di carian Play Store

3



Klik aplikasi myHRMIS yang ingin dimuat turun

8

Masukkan No. KP, Katalaluan HRMIS dan No.Telefon Bimbit. Pastikan No. Telefon Bimbit sama dengan yang didaftarkan dalam Rekod Peribadi HRMIS.

4

Klik **INSTALL** dan **ACCEPT**

5

Instalasi MyHRMIS berjaya.

6

Klik **OPEN** untuk akses myHRMIS

7

Pengguna Kali Pertama

* Klik **Pengguna Kali Pertama**

9

Log masuk ke aplikasi myHRMIS

Instalasi Aplikasi myHRMIS untuk iOS




1



App Store


Klik App Store di iPhone atau iPad.

2




Klik tab **Search**

3



Taip **myhrmis** di carian

4



Klik untuk muat turun

5

Klik **OPEN** untuk akses myHRMIS

6

Pengguna Kali Pertama

Klik **Pengguna Kali Pertama**

8

Log masuk ke aplikasi myHRMIS